Pakialetchumy a/p Mutiah lwn Muhamad Sabilnur bin Husain dan lain-lain

A

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RAYUAN SIVIL NO 12B-88 TAHUN 2011
ZAKIAH KASSIM PK
6 FEBRUARI 2014

B

Tort — Kemalangan jalanraya — Rayuan terhadap kuantum dan liabiliti — Kemalangan antara dua motosikal — Perayu mengalami kecederaan teruk dan menuntut ganti rugi am dan khas — Tuntutan ditolak oleh hakim mahkamah sesyen — Sama ada hakim mahkamah sesyen bertindak betul dalam memutuskan responden tidak melakukan kesalahan trafik

C

D

Plaintif ('perayu') telah terlibat dalam kemalangan jalanraya di mana dia sedang menunggang motosikalnya dan responden pula menunggang motosikal yang dimiliki oleh responden kedua. Kedua-dua kenderaan bergerak dalam arah yang sama dan kemalangan berlaku berhampiran satu persimpangan lampu trafik di jalan tersebut. Akibat kemalangan tersebut, perayu mengalami kecederaan yang teruk dan menuntut ganti rugi am dan khas. Di akhir perbicaraan, hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah menolak tuntutan perayu dengan kos. HMS membuat keputusan bahawa kemalangan yang berlaku bukanlah seperti yang diterangkan oleh perayu iaitu motosikalnya dilanggar dari belakang tetapi sebaliknya berkemungkinan perayu melintas di hadapan responden sebagaimana pembelaan responden. Dengan sebab itu, tidak ada tindakan di bawah kesalahan trafik di ambil terhadap responden. Dalam rayuan ini, perayu merayu terhadap keputusan HMS atas isu liabiliti dan kuantum.

E

F

G

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Keterangan perayu disokong oleh laporan polisnya, iaitu kertas siasatan yang dikemukakan oleh SP1 kerana pegawai penyiasat yang menyiasat kes ini mengalami strok dan tidak dapat datang untuk memberi keterangan. Dia tidak boleh bercakap dan berjalan. Ketiadaan pegawai yang menyiasat kes untuk memberi keterangan mengenai bagaimana kemalangan berlaku menyebabkan mahkamah hanya terpaksa bergantung kepada keterangan SP1 dan SP2 sahaja dan keraguan mengenai bagaimana kemalangan itu berlaku tidak terjawab. Tambahan pula, rajah kasar dan gambar kemalangan tidak dibekalkan kepada mahkamah (lihat perenggan 7–8).

H

I

(2) Walaupun mahkamah bersimpati terhadap keadaan yang dialami oleh perayu, berdasarkan peruntukan undang-undang, perayu tidak layak mendapat relif yang dipohon sebab tidak dibuktikan. Atas imbangan kebarangkalian, HMS tidak khilaf dalam membuat keputusannya menolak tuntutan perayu dengan kos. Oleh itu, keputusan HMS dikekalkan (lihat perenggan 14–15).

[English summary

The plaintiff ('the appellant') was involved in a road accident where he was riding his motorcycle while the respondent was riding a motorcycle belonging to the second respondent. Both vehicles were moving from the same direction and the accident occurred near a traffic light junction at the road. Due to the accident, the appellant suffered from severe injuries and had claimed for general and specific damages. At the conclusion of the trial, the sessions court judge ('the SCJ') dismissed the appellant's claim with costs. The SCJ made a finding that the accident which occurred was not as what had been explained by the appellant which was that his motorcycle was hit from the back but in contrast, the appellant was crossing in front of the respondent as what was stipulated in the respondent's defence. Hence, no traffic offence action could be taken against the respondent. In this appeal, the appellant appealed against the decision of the SCJ on the issues of liability and quantum.

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) The appellant's evidence was corroborated by his police report, which was the investigation paper adduced by SP1 as the investigating officer in charge of this case was suffering from stroke and could not come to court to give evidence. He could not talk nor walk. The absence of the officer investigating the case to give evidence on how the accident occurred caused the court to rely on SP1 and SP2 only and doubts on when the accident occurred could not be answered. Furthermore, a rough sketch and photographs of the accident could not be supplied to the court (see paras 7–8).

(2) Even though the court sympathised the condition suffered by the appellant, based on the provisions of the law, the appellant could not be granted the relief sought for as they were not proved. On the balance of probabilities, the SCJ did not err in deciding to dismiss the appellant's claim with costs. Hence, the SCJ's decision remained (see paras 14–15).]]]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalanraya, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 313–333.

Cases referred to

Abdul Mokhti bin Haji Ahmad v Idris bin Ibrahim [1977] 2 MLJ 85 (dirujuk)
Kunasegaran @ Gunasekaran s/o Manickam v Baula Singh [1982] CLJ 86, MT (dirujuk)
Mohd Yusof bin Mohd Rakim & Anor v Shanta a/p Periasamy & Anor [2006] 5 MLJ 251; [2006] 3 CLJ 825, MT (dirujuk)
Nadarajah a/l Muniandy v Ayob bin Jauhari [2001] MLJU 374; [2001] 4 CLJ 718, MT (dirujuk)
Wee Choo Keong v MBF Holdings Bhd Anor and another appeal [1993] 2 MLJ 217, MA (dirujuk)
Wong Thin Yit v Mohamed Ali [1971] 2 MLJ 175; [1971] 1 LNS 151, MP (dirujuk)

(Ajmer, Sandhu & Ong) bagi pihak perayu.
K Selvanayagam (Ng Chee Kong & Co) bagi pihak responden.

Zakiah Kassim PK:

PENDAHULUAN

[1] Perayu/plaintif selepas ini dirujuk sebagai perayu telah terlibat dalam kemalangan jalan raya pada 13 Ogos 2007 lebih kurang pada pukul 1.15 petang di jalan Taman Selasih, Kulim, Kedah. Pada masa itu perayu sedang menunggang motorsikal PFT 2993 dan responden pula menunggang motorsikal PGW 1153 yang dimiliki oleh responden kedua.

[2] Kedua-dua kenderaan bergerak dalam arah yang sama di jalan Taman Selasih, Kulim dan kemalangan berlaku berhampiran satu persimpangan lampu trafik di jalan tersebut. Akibat daripada kemalangan tersebut, perayu telah mengalami kecederaan yang teruk dan menuntut ganti rugi am dan gantirugi khas. Di akhir perbicaraan, hakim mahkamah sesyen terpelajar ('HMS') telah menolak tuntutan perayu dengan kos.

[3] Perayu merayu terhadap keputusan HMS itu atas isu liabiliti dan kuantum. Pada 10 September 2013 mahkamah ini telah menolak rayuan perayu dengan kos. Perayu sekarang merayu kepada Mahkamah Rayuan.

[4] Mahkamah ini telah meneliti rekod rayuan dan membaca hujahan perayu dan responden dan mendapati bahawa asas keputusan yang dibuat oleh HMS dalam menolak tuntutan perayu adalah persoalan fakta.

[5] Adalah undang-undang yang mantap bahawa Mahkamah Rayuan tidak akan mengganggu keputusan hakim mahkamah perbicaraan melainkan terdapat '*misdirection* hakim perbicaraan berkenaan'. Merujuk kepada kes *Wee Choo Keong v MBF Holdings Bhd Anor and another appeal* [1993] 2 MLJ 217, dinyatakan;

> ... It is an established principle that an appellate court will not interfere with the exercise of a discretionary jurisdiction of the court unless that discretionary jurisdiction was not exercised judicially or was wrong in law ....

[6] Dalam kes di hadapan mahkamah, HMS membuat keputusan bahawa kemalangan yang berlaku bukanlah seperti yang diterangkan oleh perayu ('SP2') iaitu motorsikal perayu dilanggar dari belakang tetapi sebaliknya berkemungkinan perayu melintas di hadapan responden sebagaimana pembelaan responden. Dengan sebab itu tidak ada tindakan di bawah kesalahan trafik diambil terhadap responden.

[7] Keterangan perayu disokong oleh laporan polisnya, eksh P1 iaitu kertas siasatan yang dikemukakan oleh SP1 kerana pegawai penyiasat yang menyiasat kes ini, Sarjan Shukur mengalami stroke tidak dapat datang untuk memberi keterangan. Beliau tidak boleh bercakap dan berjalan.

[8] Ketiadaan pegawai yang menyiasat kes untuk memberi keterangan mengenai bagaimana kemalangan itu berlaku, menyebabkan mahkamah hanya terpaksa bergantung kepada keterangan SP1 dan SP2 sahaja dan keraguan mengenai bagaimana kemalangan itu berlaku tidak terjawab. Tambahan pula rajah kasar dan gambar kemalangan tidak dibekalkan kepada mahkamah.

[9] Sebagai pihak yang menuntut dalam kes kemalangan, beban bukti adalah terletak ke atas perayu untuk membuktikan bahawa responden telah cuai dalam kemalangan ini yang menyebabkan perayu mengalami kecederaan dan kerugian. Dalam kes *Wong Thin Yit v Mohamed Ali* [1971] 2 MLJ 175; [1971] 1 LNS 151, mahkamah memutuskan '*in a negligence action, the onus of proof rests wholly on the plaintiff, whether or not the defendant give evidence. The plaintiff cannot succeed without proof of the defendant's negligence*'. Manakala dalam kes *Mohd Yusof bin Mohd Rakim & Anor v Shanta a/p Periasamy & Anor* [2006] 5 MLJ 251; [2006] 3 CLJ 825, MT, mahkamah memutuskan bahawa '*there was no duty on the part of the defendant to prove that he was not negligent until the plaintiffs had established negligence against him*.'

[10] Walaupun responden tidak hadir memberi keterangan, adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap ('trite law') bahawa beban pembuktian terletak pada perayu dan perayu perlu membuktikan bahawa responden cuai

dan bukanlah menjadi tugas responden membuktikan bahawa beliau tidak cuai. Dalam kes *Nadarajah a/l Muniandy v Ayob bin Jauhari* [2001] MLJU 374; [2001] 4 CLJ 718, MT, mahkamah memutuskan bahawa, '*since the defendant did not adduce evidence and as the onus of proof of negligence on the part of the defendant rested with the plaintiff, the court was left to decide the issue of liability based on the plaintiff's evidence*'.

[11] Dalam kes di hadapan mahkamah, berdasarkan pembelaan yang difailkan, responden mengakui beliau terlibat dalam kemalangan itu tetapi menafikan kecuaian beliau. Menurut SP1 berdasarkan kepada catatan dalam kertas siasatan, nombor plet belakang dan lampu belakang motorsikal perayu rosak dan tiada keterangan mengenai kerosakan motorsikal responden. Tidak ada keterangan atau catatan bahawa responden atau perayu telah disaman oleh pihak berautoriti. Rajah kasar dan gambar kemalangan tidak dikemukakan di mahkamah. Atas alasan itu HMS terpelajar membuat keputusan bahawa kemalangan itu berlaku bukanlah disebabkan motorsikal responden dilanggar dari belakang *per se*.

Perayu, SP2 sendiri tidak pasti mengenai apakah nombor plet motorsikal yang melanggarnya sedangkan laporan perubatan tidak menunjukkan bahawa perayu telah pengsan atau tidak sedar diri. SP2 memberitahu mahkamah bahawa,

Q. Selepas jatuh apa jadi?

A. Orang yang langgar dan orang ramai yang berada di situ menolong saya.

Q. Bila nampak nombor motorsikal?

A. Saya tidak nampak nombor plet motorsikal tersebut.

Q. Dalam laporan polis (P1) ada dinyatakan nombor PGW 1153, macam mana dapat nombor plet tersebut?

A. Pekerja saya yang sampai di tempat kejadian setelah dimaklumkan saya kemalangan dan telah mengambil nombor motorsikal tersebut dan bawa pada saya ketika saya hendak buat laporan polis.

Q. So tidak tahu nombor motorsikal yang langgar, diberitahu oleh orang sahaja?

A. Ya, betul.

[12] Persoalan kedua yang menimbulkan keraguan mengenai keterangan perayu adalah penjelasan SP2 tentang mengapa beliau mengambil masa begitu lama untuk membetulkan tarikh kejadian sebenar iaitu 13 Oktober 2007 dan bukannya 31 Oktober 2007. SP2 memaklumkan bahawa beliau mengambil masa yang lama kerana tidak boleh berjalan sedangkan dalam keterangannya

SP2 mengaku bahawa selepas membuat laporan yang pertama beliau tidak terus dimasukkan ke hospital. Keterangan SP2 menimbulkan keraguan pada mahkamah yang mana semasa pemeriksaan balas SP2 memberitahu bahawa;

Q: Masa buat repot pada 31.10.2007?

A: Ya.

Q: Tarikh 13.07.2007, adalah kesilapan pegawai yang ambil repot?

A: Ya.

Q: Kemalangan pada 13.10.2007, repot dibuat pada 31.10.2007?

A: Ya.

Q: Kelewatan selama 13 hah?

A: Ya.

Q: Repot dibuat pada 8.58 malam?

A: Ya.

Q: Repot pembetulan dibuat pada 12.06.2008 sebab tidak boleh berjalan?

A: Ya.

Q: Macam mana repot tersebut dibuat?

A: Saya pergi.

Q: Boleh jalan?

A: Ya, sendiri tidak boleh jalan.

Q: Bila pergi buat laporan, kenapa lambat?

A: Saya dimasukkan ke hospital.

Q: Selepas repot pertama, terus admitted?

A: Tidak.

Q: Laporan pembetulan pada 12.06.2008, lebih kurang 9 bulan selepas kejadian kemalangan pertama, ia sebab tidak boleh jalan?

A: Ya.

Q: Kenapa ia lambat dibuat?

A: Saya refer sendiri dan bila tahu silap buat repot pembetulan.

Q: Dilanggar dari belakang?

A: Ya.

Q: Motorsikal dari belakang laju?

A: Tidak tahu, saya cuma jatuh.

Q: Selepas itu?

A: Budak-budak yang langgar tersebut bawa saya ke hospital.

Q: Lebih dari seorang?

A: Seorang sahaja yang langgar. Orang ramai bantu saya.

Q: P1, 'Saya dibantu oleh orang yang melanggar saya dengan mengangkat saya', jadi orang yang langgar kamu angkat kamu?

A: (Tiada jawapan daripada SP1).

[13] Sebaliknya dalam laporan polis eksh P1, perayu mengatakan bahawa beliau dibantu oleh orang yang melanggar beliau dan orang itu telah mengangkatnya dan membawanya ke hospital. Walaupun begitu apabila disoal oleh mahkamah, perayu tidak memberi apa-apa jawapan bagi mengesahkan kenyataan dalam eksh P1. Dalam kes *Kunasegaran @ Gunasekaran s/o Manickam v Baula Singh* [1982] CLJ 86, mahkamah memutuskan bahawa '*the fact that the defendant had not been called to rebut the plaintiff's case did not mean judgment must be entered in favour of the plaintiff. The question of tilting the balance of probabilities in the plaintiffs' favour would only be arise where the plaintiff has proved his case*'.

[14] Walaupun mahkamah bersimpati terhadap keadaan yang dialami oleh perayu, berdasarkan peruntukan undang-undang, perayu tidak layak mendapat relif yang dipohon sebab tidak dibuktikan.

> ... The sympathy of the court is unreservedly with the plaintiff who as a result of the accident is now blind but unfortunately for him there is no law of absolutely liability in this country where a person can be awarded damages without establishing negligence on the part of another party ...

Kes: *Abdul Mokhti bin Haji Ahmad v Idris bin Ibrahim* [1977] 2 MLJ 85, dirujuk.

[15] Berdasarkan penjelasan di atas, mahkamah mendapati bahawa atas imbangan kebarangkalian HMS terpelajar tidak khilaf dalam membuat keputusannya menolak tuntutan perayu dengan kos. Oleh itu mahkamah ini mengekalkan keputusan HMS dan rayuan perayu ditolak dengan kos sebanyak RM1,500.

Rayuan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor